

# Negeri Sembilan sasar 23 pingat emas

**SEREMBAN:** Kontinjen Negeri Sembilan meletakkan sasaran untuk mengutip sebanyak 23 pingat emas menerusi 28 acara sukan yang akan disertai pada Sukan Malaysia (Sukma) ke-20 di Kuala Lumpur nanti.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, sasaran kutipan pingat emas itu boleh dicapai sekali gus mengatasi kutipan 13 emas yang diraih semasa Sukma Ke-19 yang berlangsung di Perak.

Ujar beliau, sukan seperti wusyu, menembak, olahraga dan hoki dijangka akan menjadi penyumbang utama kepada kutipan pingat emas buat Negeri Sembilan kelak.

“Saya dimaklumkan bahawa kontinjen Negeri Sembilan kali

ini akan disertai oleh seramai 522 orang pegawai dan atlet. Mereka akan menyertai 28 acara sukan daripada 31 acara sukan yang dipertandingkan.

“Bagi atlet yang memenangi pingat, kerajaan negeri juga akan menambah pemberian wang tunai sebagai insentif dan barisan pengurusan pasukan juga turut mendapat insentif kemenangan.

“Mereka ini mempunyai potensi besar dan perlu kita dihargai, mereka membawa nama negeri dalam sukan. Bagi saya sudah tiba masanya jumlah insentif ini ubah sedikit tahun ini menjadi lebih baik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Bendera Negeri Sembilan kepada pengurus pasukan ke



**AMINUDDIN** Harun (baris hadapan, tengah) bersama atlet dan pegawai pada majlis Penyerahan Bendera Negeri Sembilan kepada Pengurus-pengurus Pasukan ke Temasya Sukan Malaysia (Sukma) Kali Ke-20 di Wisma Negeri, Seremban hari ini. - UTUSAN/MOHD. SHAJEHAN MAAMIN.